

Kenderaan buang sampah haram ditahan



Tindakan sita dan kompaun dikenakan terhadap individu buang sampah di kawasan larangan.

Sinar Harian 2/9/2015 M3: 40

BANTING - Sebanyak tujuh kenderaan berjaya ditahan dan disita Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di beberapa lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti di daerah berkenaan.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, secara keseluruhannya terdapat 38 lokasi dikategorikan sebagai tumpuan pembuangan sampah haram di sekitar Kuala Langat.

"Bagi tahun 2014, sebanyak 66 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan daripada jumlah itu sebanyak 88 notis kesalahan

turut dikeluarkan di bawah kesalahan membuang sampah di tempat awam dan juga membuang sampah pukal di tempat tanpa kebenaran MDKL.

"Tahap akur untuk menjelaskan kompaun sangat rendah. Pesalah akan berdepan dengan pendakwaan di mahkamah kerana ingkar dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda maksima sebanyak RM2,000," katanya.

Menurut Mohd Azhar, rondaan bagi pemantauan serta penguatkuasaan dilakukan setiap hari hasil kerjasama orang awam yang memberikan maklumat serta aduan di kawasan kawalan.

Hasil risikan daripada 23

operasi pemantauan di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan panas pembuangan sampah haram pada tahun ini membuahkan hasil apabila anggota penguatkuasa MDKL telah berjaya menahan dan menyita sebanyak 7 lori di kawasan Batu 9, Telok Panglima Garang dan sebanyak 10 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UKK) pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah MDKL 2007.

Beliau mengingatkan setiap lapisan masyarakat bekerjasama menyalurkan maklumat supaya aktiviti pembuangan sampah haram dapat dielakkan.